

TAHUKAH ANDA ?

APA ITU CUKAI TANAH ?

Cukai tanah ditafsirkan juga sebagai cukaisewa di bawah Seksyen 5 Kanun Tanah 1965 sebagai :

- Apa-apa jumlah wang tahunan yang kena bayar kepada Pihak Berkuasa Negeri(PBN) sebagai cukaisewa ;
- Apa-apa bayaran tahunan lain yang terhutang kepada PBN yang menurut mana-mana undang-undang bertulis, hendaklah dipungut seolah-olah ianya adalah cukaisewa atau hasil tanah dan ;
- Apa-apa bayaran terhutang kepada PBN sebagai tunggakan cukaisewa.

MENGAPA ANDA PERLU MEMBAYAR CUKAI TANAH ?

Seksyen 95 KanunTanah Negara 1965 : Adalah menjadi tanggungjawab setiap pemilik tanah (atau wakil bagi pihaknya) untuk membayar cukai tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri tanpa perlu menunggu pemakluman melalui surat peringatan.

Pengeluaran surat peringatan hanya merupakan suatu inisiatif/usaha Pejabat Tanah Daerah untuk memaklumkan kepada pemilik tanah.

Seksyen 100 Kanun Tanah Negara 1965 : PBN berhak untuk merampas / menyita tanah-tanah yang tidak dijelaskan cukai tanah mereka.

SIAPKAH YANG PERLU MENJELASKAN CUKAI TANAH ?

Seksyen 95 Kanun Tanah Negara 1965 : Setiap Pemilik Tanah Berdaftar ATAU wakil bagi pihaknya bertanggungjawab untuk menjelaskan cukai tanah.

"Cukaisewa yang kena dibayar mengenai mana-mana tanah bermilik hendaklah dibayar oleh atau bagi pihak tuannya..."

BILA ANDA SEPATUTNYA MEMBAYAR CUKAI TANAH ?

Seksyen 94 Kanun Tanah Negara 1965 : Cukai tanah yang dikenakan hendaklah dibayar pada awal tahun kalender iaitu mulai 1 Januari sehingga 31 Mei setiap tahun. Cukai tanah yang tidak dijelaskan sebelum 1 Jun akan menjadi tunggakan untuk tahun tersebut.

Denda lewat akan dikenakan jika pembayaran cukai tanah dijelaskan selepas 31 Mei. Kadar denda lewat 20% akan dikira atas cukai tanah yang tertunggak dengan kadar minima RM2.00

PENTING

1) Setiap pemilik tanah (atau wakil pihaknya) hendaklah memaklumkan tentang maklumat terkini masing-masing (setiap perubahan alamat) di Pejabat Tanah Daerah untuk tujuan rekod dan semakan.

2) Pemilik boleh terus mendapatkan kadar bayaran cukai di Pejabat Tanah dengan membawa bersama dokumen/geran hakmilik tanah berkaitan untuk semakan di kaunter bayaran.

TINDAKKAN SEKIPRANYA GAGAL MEMBAYAR CUKAI TANAH ...

Jika cukai tanah tidak dibayar, maka notis tuntutan Borang 6A akan dikeluarkan mengikut seksyen 97 Tanah Negara. Jika dalam masa 3 bulan dari tarikh pengeluaran notis berkenaan bayaran tersebut masih dijelaskan, maka Pentadbir Tanah boleh menguatk Seksyen 100 Kanun Tanah Negara. Seksyen iaitu merampas tanah berkenaan.

BAGAIMANA PEMBAYARAN BOLEH DIBAYAR

- Tunai
- Bank Draf / Kiriman Wang Pos
- Cek Syarikat
- Money Order / Postal Order
- Kad Kredit / Kad Debit
- Online (Internet Banking)
<http://onlinepayment.johor.gov.my>

Pembayaran melalui cek/Bank Draf/Kiriman Wang hendaklah atas nama PENTADBIR TANAH DAERAH (daerah yang ingin dibuat bayaran seperti PONTIAN dipalangi "Akaun Penerima Sahaja". Atau atas nam PENGARAH TANAH DAN GALIAN JOHOR untuk pe dibuat di Pejabat Tanah dan Galian Johor (PTG), N

DIMANA PEMBAYARAN CUKAI TANAH BOLEH DIJELASKAN

Pembayaran cukai tanah boleh dibuat di mana-mana Tanah Daerah dalam Negeri Johor serta di Pejabat Tanah dan Galian Johor di Nusajaya. (mana-mana tanah di seluruh Negeri Johor boleh dijelaskan cukai di mana-mana Pejabat Tanah Daerah).

PEJABAT TANAH DAERAH

- 1) Pej. Tanah Daerah Johor Bahru
Tel: 07-2241963/64, Fax: 07-2240377
- 2) Pej. Tanah Daerah Kulajaya
Tel: 07-6631809/6809, Fax: 07-6638809
- 3) Pej. Tanah Daerah Batu Pahat
Tel: 07-4343549/1043, Fax: 07-4316330
- 4) Pej. Tanah Daerah Kecil Rengit
Tel: 07-4241268, Fax: 07-4242370
- 5) Pej. Tanah Daerah Kluang
Tel: 07-7723313/14, Fax: 07-7721669
- 6) Pej. Tanah Daerah Kota Tinggi
Tel: 07-8831253, Fax: 07-8831251
- 7) Pej. Tanah Daerah Kecil Pengerang
Tel: 07-8224001, Fax: 07-8224002
- 8) Pej. Tanah Daerah Mersing
Tel: 07-7991141/2433, Fax: 07-7993170
- 9) Pej. Tanah Daerah Pontian
Tel: 07-6871525/2842, Fax: 07-6871622
- 10) Pej. Tanah Daerah Muar
Tel: 06-9522311/2777, Fax: 06-9519503
- 11) Pej. Tanah Daerah Ledang
Tel: 06-9781008, Fax: 06-9785057
- 12) Pej. Tanah Daerah Segamat
Tel: 07-9435728/30, Fax: 07-9435731
- 13) Pej. Tanah Daerah Kecil Labis
Tel: 07-9251771, Fax: 07-9253184

MASA PEMBAYARAN DI KAUNTER

Isnin - Khamis	Jumaat
8.00 pagi hingga 1.00 petang	8.00 pagi hingga 12.15 thari
2.00 petang hingga 4.30 petang	2.45 petang hingga 4.30 petang

**CUKAI TANAH HANYA PERLU DIBAYAR
SATU (1) KALI SETIAP TAHUN**

SEBELUM 31 MEI



**PEJABAT PENGARAH TANAH
DAN GALIAN JOHOR**

BANGUNAN DATO MOHAMAD SALLEH PERANG,
KOTA ISKANDAR, PETI SURAT 718,

79576 NUSAJAYA,

JOHOR DARUL TA'ZIM.

Tel: 07-2666880/81/82

Fax : 07-2661433/40

E-mail : ptgj@johor.gov.my

Laman Web : <http://www.johordt.gov.my/ptgj>



PANDUAN
URUSAN PEMBAYARAN CUKAI
TANAH NEGERI JOHOR

TAHUKAH ANDA....

PEMBAYARAN CUKAI TANAH ADALAH
DIWAJIBKAN

CUKAI TANAH BUKAN CUKAI PINTU

TANAH ANDA BOLEH DIRAMPAS JIKA
PEMBAYARAN TIDAK DIJELASKAN
BAYARLAH SEBELUM TINDAKAN
DI AMBIL

Kini... Bayaran Dan Semakan Cukai Tanah
Online di <http://onlinepayment.johor.gov.my>